



Media Prima jadi pilihan promosi Jepun

Oleh Ercy Gracella Ajos - Julai 27, 2023 @ 7:41pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kedutaan Jepun di Malaysia melihat Media Prima Berhad (MPB) sebagai konglomerat media holistik yang mampu menyebarkan maklumat secara berkesan.

Duta Jepun ke Malaysia, Takahashi Katsuhiko, berkata menerusi pelbagai platform media cetak, radio dan televisyen MPB memberi peluang kepada pihaknya meningkatkan kandungan berkaitan Jepun kepada rakyat negara ini.

"Terdapat kelebihan untuk setiap saluran media. Kami boleh bekerjasama dengan MPB untuk mengumumkan aktiviti harian kami, mengenai apa yang berlaku di Jepun," katanya selepas melawat Sri Pentas, di sini, hari ini.

Kehadiran Takahashi disambut Pengerusi Kumpulan MPB, Datuk Seri Dr Syed Hussain Aljunid; Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Audio, Nazri Noran; Ketua Pegawai Operasi Media Prima Omnia, Mohd Efendi Omar; Timbalan Editor Kumpulan Berita dan Hal Ehwal Semasa, Rangkaian Televisyen MPB, Azhari Muhidin serta Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Farrah Naz Karim.

Takahashi berkata, beliau berbesar hati dapat berkunjung ke MPB dan mendengar kejayaan serta strategi syarikat dalam mempromosikan platform media yang ada dalam menyajikan pelbagai kandungan eksklusif untuk tontonan semua rakyat di negara ini.

Katanya, sehingga kini hubungan baik antara Malaysia dan Jepun berada pada tahap cemerlang, di mana lebih 1,600 syarikat Jepun melabur di negara ini dan angka itu terus meningkat meskipun COVID-19 melanda dunia suatu ketika dahulu.

"Ini menunjukkan wujudnya kerjasama dan hubungan baik dalam bidang ekonomi antara kedua negara. Bukan itu sahaja, malah dari segi budaya dan banyak lagi.

"Sebagai contoh, festival Bon Odori di Selangor yang diadakan minggu lalu dengan kehadiran 40,000 pengunjung yang menyertai festival itu.

"Ini jelas menunjukkan Malaysia dan Jepun mempunyai hubungan yang sangat baik dalam pelbagai aspek," katanya.

Katanya juga, beliau berbesar hati untuk berkongsi keunikan dan budaya Jepun menerusi platform media yang disediakan Media Prima termasuk radio, akhbar dan stesen TV.

"Setiap media memiliki kelebihan masing-masing, menerusi setiap platform digunakan, ia juga dapat membantu meningkatkan aktiviti sektor pelancongan antara kedua negara," katanya.